

## **Pengakuan**

Ianya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Kamisah Bte Beddu  
No Matrik : PS03-006(K)-063  
Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @**

JUDUL : Hubungan Konsep Kendiri dan Kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar di tiga buah sekolah di daerah Penampang.

IJAZAH: Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2003 – 2005

Saya, KAMISAH BTE BEDDU mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian-sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

  
KAMISAH BTE BEDDU  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Penulis : Kamisah Bte Beddu)  
Alamat Tetap :  
Lot 483 Jalan Dinawan 2  
Taman Pantai Lok Kawi  
88858, Kinarut, Sabah.

Tarikh : 10 Mei 2006

  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

  
(Prof Madya Dr. Vincent Pang)

Tarikh: 9/5/2006

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana rahmat serta izin-Nya maka dapat juga saya menyempurnakan penulisan kajian penilaian ini bagi menyempurnakan tugasan disertasi ini.

Setinggi ucapan terimakasih dan penghargaan saya rakamkan kepada pensyarah yang membimbing dan menyelia sepanjang penulisan ini iaitu Profesor Madya Dr. Vincent Pang yang dedikasinya amat mengagumkan. Pegawai Pendidikan Daerah Penampang Encik Dennis Gompion, Puan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan Puan Hajah Wan Noriah Wan Musa yang memberi sokongan padu, mereka-mereka yang terlibat dengan gigihnya dalam sesi temubual dan tinjauan tidak rasmi, iaitu Cik Nuridah Amit selaku Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan, Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan yang membantu dan terlibat secara tidak langsung dalam beberapa hal berkaitan seperti membantu penyelenggaraan Soal Selidik, membantu di bahagian statistik dan sebagainya, iaitu Encik Tan Ah Mong, Puan Siti Zaiton Ismail, Encik Gani Sani, Puan Norazurah Jusoh, Puan Wahida Israeal, Puan Jubaida Karia, Encik Ariffin Anak, Cik Elizah Abd Hamid, Puan Sarbanun Nerawi, Puan Norashaya Jaya, Encik Alfitri dan Puan Sharifah Fauzi.

Ucapan terimakasih juga kepada semua rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan moral dan galakan, Puan Masniah Tarah, Puan Zainab Osman, Puan Justa James, Puan Anima Assih, Puan Salbiah Karim, Puan Amy Wong, Puan Jenny Koh, dan juga kepada semua pemimpin pelajar di tiga buah sekolah tersebut yang terlibat menjadi responden dalam kajian ini.

Teristimewa ucapan terimakasih kepada suami tersayang, Encik Amri Hussien yang sentiasa di sisi untuk memberikan sokongan dan bantuan yang diperlukan, juga kepada ibu bapa dan adik beradik serta keluarga tersayang yang tidak pernah jemu memberi galakan dan sokongan di sepanjang penulisan kajian ini, Hasanuddin Beddu, Azman Beddu, Salmah Beddu, Sarinah Beddu, Mohd Helmi Beddu, Mohd Bakhtiar Beddu, Sahira Mading, Rosaini Ariffin dan Wan Dzleeni Wan Shariman.

Juga tidak dilupakan ucapan terimakasih kepada semua rakan, kenalan dan anak didik yang pernah membantu dalam apa juga keadaan di sepanjang kajian ini dijalankan dan dituliskan.



## **ABSTRAK**

### **HUBUNGAN ANTARA KONSEP KENDIRI DAN KEPIMPINAN DI KALANGAN PEMIMPIN PELAJAR DI TIGA BUAH SEKOLAH DI DAERAH PENAMPANG**

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan konsep kendiri dengan kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar di tiga buah sekolah di daerah Penampang . Kewujudan golongan pemimpin ini dikalangan pelajar- pelajar biasa yang lain amatlah penting dalam mewujudkan suatu persekitaran sekolah yang baik . Selain itu golongan yang merupakan pelapis pemimpin masa akan datang ini juga memerlukan perhatian dan kajian khas bagi meningkatkan daya kepemimpinan dan karisma dalam diri mereka . Kajian ini bukan sahaja mampu menjadi daya penarik untuk semua golongan pelajar agar membentuk dan mengembangkan pontensi diri mereka untuk menjadi pemimpin di mana sahaja mereka berada tetapi juga berupaya untuk membantu para guru , pihak pentadbir , para ibu bapa dan masyarakat amnya untuk sama-sama memahami dan memberikan sokongan kepada golongan ini untuk terus memajukan diri . Kajian ini menggunakan soal selidik TSCS iaitu ujian Konsep Kendiri dan soal selidik Kersey iaitu ujian Kepimpinan sebagai alat kajian, dengan menggunakan program SPSS 12.0 yang melibatkan ujian T dan Korelasi Pearson. Kajian ini mendapati bahawa pemimpin pelajar mempunyai konsep kendiri yang sederhana dan kepimimpinan yang tinggi . Walau bagaimanapun kajian ini juga membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan antara konsep kendiri dan kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar .

## **ABSTRACT**

### **THE RELATIONSHIP BETWEEN SELF ESTEEM AND LEADERSHIP AMONG STUDENT`S LEADERS GROUP, CONDUCTED AT THREE SECONDARY SCHOOLS AROUND PENAMPANG DISTRICT**

This research is carried out to survey the relationship between self esteem and leadership among student's leaders group, conducted at three secondary schools around Penampang district. Existences of these student's group plays an important role as one of major influences in creating harmonies and supportive environment of learning in the learning institution. Instead of that ,this survey aim to explore new strategies which can be uses to improve students leadership and charismatic values. Moreover, outcomes from this survey will generates supportive forces towards the whole group of students to individually instill and polish their self potential to able themselves act as a good leader any stages or places they are required to fulfill. In wider context, this survey contributes a better understanding towards the importance of on going developing value of leadership in our young generations to many important sides such as parents, teachers and public. This survey used questionare instrument. It consists self esteem questionare TSCS and Kersey leadership questionare. Collected data then analized using the SPSS 12.0 program, this is including the used of T test and Pearson Corelation. This research conclude that a student leader has an average self esteem level a high leadership level. But on the other hand, this research also proves that there is no distinct relationship between self esteem and leadership among student leaders

<b>SENARAI JADUAL</b>		<b>HALAMAN</b>
Jadual 3.1	: Ujian Dan Jenis Item yang Diuji	36
Jadual 3.2	: Klasifikasi Kekuatan Pearson	37
Jadual 3.3	: Jenis, Proses Dan Tujuan Soal Selidik	41
Jadual 3.5	: Taburan Responden Mengikut Sekolah	44
Jadual 3.6	: Kebolehpercayaan TSCS dan Ujian Kersey	51
Jadual 4.1	: Taburan Jawatan Kepimpinan Responden	57
Jadual 4.2	: Taburan Responden Mengikut Jantina	57
Jadual 4.3	: Taburan Responden Mengikut Umur	58
Jadual 4.4	: Taburan Responden Mengikut Pengalaman	59
Jadual 4.5	: Taburan Min Pengalaman Responden	62
Jadual 4.6	: Klasifikasi Darjah Tafsiran	63
Jadual 4.7	: Taburan Min Konsep Kendiri Responden	64
Jadual 4.8	: Taburan Min Kepimpinan	65
Jadual 4.9	: Taburan Min Kendiri Fizikal Responden	66
Jadual 4.10	: Taburan Respon Soalan 2	66
Jadual 4.11	: Taburan Min Etika Moral Kendiri Responden	67
Jadual 4.12	: Taburan Respon Soalan 27	68
Jadual 4.13	: Taburan Min Rasional Kendiri Responden	68
Jadual 4.14	: Taburan Respon Soalan 41	69
Jadual 4.15	: Taburan Min Kendiri Keluarga Responden	70
Jadual 4.16	: Taburan Respon Soalan 63	70
Jadual 4.17	: Taburan Min Kendiri Sosial Responden	71
Jadual 4.18	: Taburan Respon Soalan 70	71

Jadual 4.19 : Taburan Min Kritik Kendiri Responden	72
Jadual 4.20 : Taburan Respon Soalan 91	73
Jadual 4.21 : Taburan Min Mengawal Responden	74
Jadual 4.22 : Taburan Respon Soalan 1	74
Jadual 4.2 : Taburan Min Tanggungjawab Responden	75
Jadual 4.24 : Taburan Respon Soalan 14	76
Jadual 4.25 : Taburan Min Keibubapaan Responden	77
Jadual 4.26 : Taburan Respon Soalan 23	78
Jadual 4.27 : Pengujian Hipotesis	79
Jadual 4.28 : Analisis Perkaitan Antara Konsep Kendiri Dan Kepimpinan	80
Jadual 4.29 : Perbandingan Konsep Kendiri Berdasarkan Jantina	81
Jadual 4.30 : Perbandingan Konsep Kendiri Berdasarkan Jantina Menggunakan Ujian t	82
Jadual 4.31 : Perbandingan Antara Konsep Kendiri Dan Umur	83
Jadual 4.32 : Perbandingan Antara Konsep Kendiri Dan Pengalaman	84
Jadual 4.33 : Perbandingan Kepimpinan Berdasarkan Jantina	85
Jadual 4.34 : Perbandingan Kepimpinan Berdasarkan Jantina Menggunakan Ujian t	85
Jadual 4.35 : Perbandingan Antara Kepimpinan Dan Umur	86
Jadual 4.36 : Perbandingan Antara Kepimpinan Dan Pengalaman	87
Jadual 5.1 : Ciri-Ciri Penting Bagi Pemimpin	101

<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 3.3 : Personaliti, Konsep Kendiri Dan Kepimpinan Dalam Diri Seorang Individu	40
Rajah 3.5 : Kerangka Konsep	43

## **Singkatan**

f	Frekuensi
Sig.	Signifikan
S.p	Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Packages For Social Science</i>
TSCS	<i>Tennessee Self Concept Scale</i>

## **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>ABSTRAK</b>	<i>i</i>
<b>ABSTRACT</b>	<i>ii</i>
<b>Senarai Jadual</b>	<i>iii</i>
<b>Senarai Rajah</b>	<i>v</i>
<b>Singkatan</b>	<i>vi</i>

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Soalan Kajian	6
1.5 Hipotesis Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.7.1 Sistem Pentadbiran Sekolah Dan Lokasi	
1.7.2 Sampel Kajian	
1.7.3 Masa	
1.7.4 Kaedah Memberi Kod Kepada Responden	
1.8 Definisi Istilah	12
1.8.1 Personaliti	
1.8.2 Kepimpinan	
1.8.3 Konsep Kendiri	

1.8.4 Pemimpin Pelajar

1.8.5 Waja Diri

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Pendekatan Teori	19
2.2.1	Teori Konsep kendiri	
2.2.2	Teori Tret Personaliti Raymond Cattel	
2.2.3	Teori kepimpinan	
2.2.2.1	Teori Sifat	
2.2.2.2	Teori Perilaku	
2.2.2.3	Teori Kontenjensi	
2.3	Kajian Tentang Personaliti Remaja	25
2.4	Penutup	33

## BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	35
3.2	Rekabentuk Kajian	36
3.3	Kerangka Konsep Kajian	38
3.4	Populasi Kajian	43
3.5	Lokasi Kajian	44
3.6	Instrumen Kajian	45
3.6.1	Bahagian A	
3.6.2	Bahagian B	

3.6.3	Bahagian C	
3.6.4	Temubual	
3.6.5	Tinjauan	
3.7	Prosedur Kajian	49
3.7.1	Peringkat Pertama	
3.7.2	Peringkat Kedua	
3.7.3	Peringkat Ketiga	
3.7.4	Peringkat Keempat	
3.8	Kebolehpercayaan Alat Kajian	51
3.9	Prosedur Penganalisaan Data	
3.9.1	Data Demografi Responden	
3.9.2	Soal Selidik TSCS	
3.9.3	Soal Selidik Kersey	
3.10	Penutup	53

## **BAB 4 ANALYSIS DATA**

4.1	Pengenalan	55
4.2	Profil Demografi Responden	55
4.2.1	Responden Mengikut Jantina	
4.2.2	Responden Mengikut Umur	
4.2.3	Responden Mengikut Pengalaman	
4.3	Penemuan Kajian	60
4.3.1	Analisis Deskriptif	
4.3.1.1	Min Pengalaman Responden	
4.3.1.2	Maklumat Konsep Kendiri Responden	

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Mengetahui personaliti pelajar sekolah secara amnya merupakan suatu perkara yang menarik. Para pendidik yang bertugas di semua peringkat sekolah, dari peringkat prasekolah, rendah, menengah dan hingga ke peringkat tinggi sering mengimpikan bahawa mereka mengetahui corak personaliti pelajar di bawahnya agar mereka sendiri boleh mengambil tindakan yang relevan kepada personaliti pelajarnya. Ini merupakan suatu impian yang agak besar, namun mengetahui dengan tepat dan jelas tiap pelajar bukanlah juga merupakan suatu yang mustahil. Dengan ilmu, kemahiran dan kepakaran yang sesuai, impian ini boleh menjadi kenyataan.

Di sekolah terdapat pelbagai golongan pelajar yang boleh diklasifikasikan mengikut peranan khusus selain belajar atau jawatan. Misalnya pelajar yang menjawat jawatan pemimpin di sekolah misalnya pengawas sekolah, ketua kelas, ketua pelajar, pengurus kelab atau persatuan dan sebagainya. Sehubungan dengan ini, personaliti pelajar yang memegang jawatan pemimpin di sekolah sudah semestinya mempunyai corak atau ciri-ciri personaliti yang biasanya dianggap sebagai satu kelebihan personaliti di kalangan orang lain yang memilihnya sebagai pemimpin, termasuk para guru yang berperanan besar dalam aktiviti memerhati dan menilai pelajar secara peribadi. Yang pasti ianya

akan lebih menarik dan mungkin ianya merupakan suatu penyelidikan yang boleh memberi impak besar kepada kemajuan sesebuah sekolah. Oleh yang demikian penulisan ini akan tertumpu kepada personaliti pelajar sekolah yang memegang jawatan sebagai pemimpin di sekolah menengah harian. Walau bagaimanapun definisi pemimpin pelajar di sekolah ini juga sudah pasti akan merujuk kepada semua definisi pemimpin pelajar yang mungkin, kerana diketahui bahawa semua sekolah mempunyai sedikit kelainan dalam memberi intepertasi tentang hal ini.

Kajian tentang personaliti manusia amat banyak dilakukan oleh pakar-pakar psikologi dan personaliti. Manusia sememangnya cenderung untuk cuba mengenali diri sendiri. Dalam konteks ini sudah pasti para pemimpin pelajar di sekolah merupakan antara manusia yang paling menarik untuk dikaji personalitinya. Sehubungan dengan itu kajian ini akan cuba mengkaji mengenai hubungan antara dua ciri lazim manusia iaitu konsep kendiri dan kepimpinan.

Menurut Tang Chee Yee (1989) konsep kendiri merupakan salah satu elemen penting dalam personaliti individu yang perlu difahami oleh awam dan juga pengamal pendidikan, kerana konsep kendiri ini menyumbang kepada pembentukan sikap, tabiat, perilaku dan kepercayaan individu. Bandura (1977) melalui teori pembelajaran sosialnya menyebut bahawa sistem seperti konsep kendiri (self-concept) dan estim diri (self-esteem) ada dalam jiwa tiap-tiap manusia. Sistem ini mempengaruhi sikap, tabiat dan perilaku individu. Hurlock (1964) menyatakan konsep kendiri adalah penentu utama bagi tingkah laku inividu. Rogers (1978) sebagai pelopor utama konsep ini menjelaskan bahawa konsep kendiri adalah tingkahlaku inividu untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan.

namun ianya boleh dikaji secara serentak sesuai dengan tajuk kajian ini. Tambahan lain dari pakar psikologi lainnya, menyatakan bahawa waja diri juga merujuk kepada mereka yang mempunyai personaliti yang mempunyai kemahiran-kemahiran strategik seperti pendekatan aktif dan terangsang dalam aktiviti penyelesaian masalah, kebolehan untuk menarik perhatian orang lain sejak lahir lagi, pandangan dunia yang optimis walaupun di dalam kesengsaraan, keupayaan mengekalkan visi hidup positif yang penuh makna, keupayaan bersiap sedia dan bertindak dengan autonomi, kesediaan untuk mencari pengalaman baru dan perspektif yang bersifat proaktif (Garmezy, 1991). Kesimpulannya istilah waja diri ini boleh menerangkan bagaimana lazimnya personaliti seorang pemimpin sejati. Oleh yang demikian sudah semestinya istilah ini diambilkira dalam semua perbincangan dalam penulisan kajian ini.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Sememangnya perbincangan tentang personaliti pelajar, termasuklah pelajar-pelajar pemimpin yang popular dan penting di sekolah seperti ini merupakan antara isu penting di kalangan pendidik mahupun masyarakat amnya. Bukan hanya kerana mereka merupakan pelajar, juga terdapat anggapan yang kuat bahawa mereka merupakan pelapis kepada peneraju negara. Sebarang usaha dalam dunia pendidikan memfokus kepada mereka serta perkembangan mereka dari semua segi, bagi menjamin faedah yang lebih besar bila mereka masuk ke dunia dewasa yang lebih mencabar. Para guru tidak mungkin dapat lari daripada menyimpan persepsi sendiri mengenai golongan pelajar ini, yang biasanya dianggap lebih berkarisma dan berkepimpinan dari pelajar biasa lainnya.

Oleh yang demikian kajian akan dilakukan bagi melihat perkembangan konsep kendiri dan kepimpinan mereka serta mencari hubungan kedua tret tersebut dalam diri mereka. Sehubungan itu kajian ini adalah untuk menbincangkan beberapa pernyataan masalah seperti berikut:

1. Pelajar yang memegang jawatan pemimpin di sekolah merupakan golongan pelajar yang bukan sahaja mempunyai peranan dan pengaruh tertentu kepada sekolah juga mempunyai tret-tret personaliti yang tersendiri, misalnya dari segi konsep kendiri dan juga kepimpinan. Oleh yang demikian diri mereka sebagai individu dan pemimpin di sekolah harus diberi perhatian yang sewajarnya.
2. Budaya pemilihan pemimpin pelajar ini didefinisikan mengikut kehendak atau budaya sekolah masing-masing, namun dari segi psikologi pemilihan pemimpin ini juga dipengaruhi oleh perbezaan tret personaliti di kalangan manusia.
3. Personaliti di kalangan pemimpin pelajar dan juga pelajar biasa seharusnya diberi tumpuan dengan cara mengasingkan antara personaliti yang berkepimpinan dan tidak, bagi tujuan meningkatkan kepimpinan masa hadapan.
4. Selain itu adakah terdapat hubungan dari segi demografi seperti jantina, umur dan pengalaman menjadi pemimpin terhadap dua tret tadi.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini memuatkan tujuh objektif, yang mana ianya merupakan maklumat yang saling berkaitan di antara satu sama lain, ianya ialah :

1. Untuk melihat hubungan antara konsep kendiri dan kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar.

2. Untuk melihat perbezaan antara konsep kendiri di kalangan pemimpin pelajar berdasarkan jantina.
3. Untuk melihat hubungan antara konsep kendiri dan umur di kalangan pemimpin pelajar.
4. Untuk melihat hubungan antara konsep kendiri dan pengalaman di kalangan pemimpin pelajar.
5. Untuk melihat perbezaan ciri kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar berdasarkan jantina.
6. Untuk melihat hubungan antara kepimpinan dan umur di kalangan pemimpin pelajar.
7. Untuk melihat hubungan antara kepimpinan dan pengalaman di kalangan pemimpin pelajar.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Kajian ini pula memuatkan juga sejumlah tujuh soalan kajian, iaitu :

1. Adakah terdapat hubungan antara konsep kendiri dan kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar?
2. Adakah terdapat perbezaan konsep kendiri di kalangan pemimpin pelajar berdasarkan jantina?
3. Adakah terdapat hubungan antara konsep kendiri dan umur di kalangan pemimpin pelajar?
4. Adakah terdapat hubungan antara konsep kendiri dan pengalaman di kalangan pemimpin pelajar?

5. Adakah terdapat perbezaan kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar di sekolah berdasarkan jantina?
6. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan dan umur di kalangan pemimpin pelajar?
7. Adakah terdapat hubungan antara ciri kepimpinan dan pengalaman di kalangan pemimpin pelajar?

## 1.5 Hipotesis Kajian

Kajian ini memuatkan sejumlah tujuh hipotesis nul iaitu :

1. Hipotesis nul 1

Tidak terdapat hubungan antara konsep kendiri dan kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar.

2. Hipotesis nul 2

Tidak terdapat perbezaan konsep kendiri dan jantina di kalangan pemimpin pelajar.

3. Hipotesis nul 3

Tidak terdapat hubungan antara konsep kendiri dan umur di kalangan pemimpin pelajar.

4. Hipotesis nul 4

Tidak terdapat hubungan antara konsep kendiri dan pengalaman di kalangan pemimpin pelajar.

5. Hipotesis nul 5

Tidak terdapat perbezaan antara kepimpinan di kalangan pemimpin pelajar di sekolah berdasarkan jantina.

#### **6. Hipotesis nul 6**

Tidak terdapat hubungan antara kepimpinan dan umur di kalangan pemimpin pelajar.

#### **7. Hipotesis nul 7**

Tidak terdapat hubungan antara kepimpinan dan pengalaman di kalangan pemimpin pelajar.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini amat penting, bukan sahaja untuk penelitian para guru, juga kepada ibu bapa dan masyarakat secara amnya. Kegagalan memahami sama ada perkembangan psikologi dan fizikal serta pelbagai fenomena atau konflik yang melanda dalam diri pelajar yang menjawat jawatan pemimpin di sekolah merupakan suatu kekurangan dalam bidang pendidikan. Oleh yang demikian dalam konteks kajian ini, berikut adalah senarai kepentingan mengapa kajian ini perlu dilaksanakan.

- a. Dapat memberi kesedaran pada guru dan pihak pentadbir sekolah bahawa perlu dijalankan ujian personaliti untuk memilih pemimpin pelajar.
- b. Dapat memberi kesedaran kepada guru-guru dan pihak pentadbir sekolah bahawa personaliti di kalangan pemimpin pelajar adalah berbeza di antara satu sama lain.
- c. Dapat memberi kesedaran kepada guru-guru dan pihak pentadbir bahawa calon pemimpin pelajar yang dilantik seharusnya mempunyai ciri-ciri personaliti tertentu bagi manfaat yang optima.

- d. Kajian ini juga akan memberi implikasi kepada perkembangan ilmu khususnya dalam bidang psikologi dan pengurusan pendidikan.

## **1.7 Batasan Kajian**

Meskipun kajian ini dirasakan telah dirancang dengan teliti oleh pengkaji, namun terdapat beberapa batasan yang timbul ketika cuba untuk melaksanakannya.. yang dapat diperhatikan adalah seperti lokasi, subjek atau sampel, masa dan pentafsiran data disiplin. Ianya adalah seperti berikut:

### **1.7.1 Sistem Pentadbiran Sekolah Dan Lokasi**

Meskipun pemilihan ketiga-tiga sekolah sebagai lokasi penyelidikan didasari oleh beberapa faktor penting, namun terdapat batasan dari segi berurusan dengan pentadbir di setiap sekolah. Selain itu sesi persekolahan di setiap sekolah adalah berbeza. Perbezaan ini sekaligus menandakan bahawa terdapat perbezaan yang ketara terhadap pentadbiran sekolah. Misalnya Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan melibatkan dua sesi iaitu sesi pagi dan petang, Tepat waktu tengahari merupakan garis pemisah antara dua sesi. Kewujudan dua sesi ini sekaligus menggambarkan bahawa masa guru-guru dan pelajar adalah amat terhad untuk diluangkan kepada aktiviti lain selain daripada aktiviti yang sedia ada di sekolah.

Manakala di Sekolah Menengah Tansau pula, menggunakan hanya satu sesi sahaja, iaitu sesi pagi, bermula awal pagi, persekolahan hanya akan berakhir pada tepat jam dua petang. Ketika ini pula biasanya guru-dan pelajar akan mengambil masa lama untuk berehat, namun pentadbiran sekolah amat mengalu-alukan sebarang aktiviti luar yang memberi faedah kepada pendidikan.

Sekolah Menengah Datuk Peter Mojuntin pula, tidak akan memasukkan apa-apa aktiviti lain selain yang ada di sekolah, ketika waktu persekolahan berjalan. Aktiviti meminta pengawas sekolah menjawab soal selidik hanya dijalankan di hari sabtu. Oleh yang demikian meskipun lokasi diantara ketiga-tiga sekolah hanya berjarak 10 kilometer sahaja, namun jarak ini tetap merupakan batasan dalam kajian ini.

### **1.7.2 Sampel Kajian**

Pengumpulan responden atau sampel sememangnya memberikan banyak batasan. Misalnya definisi pemimpin pelajar juga agak berbeza. Pihak pentaadbir sekolah, guru-guru serta kaunselor di Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan mendefinisikan pemimpin pelajar sebagai pelajar yang menjadi ketua-ketua, pengurus-pengurus kelab dan persatuan, manakala di Sekolah Menengah Datuk Peter Mojuntin pula mendefinisikan pemimpin pelajar sebagai ahli Kabinet sekolah, kerana mereka mempunyai peranan besar dalam lembaga disiplin sekolah, seterusnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Tansau mendefinisikan pemimpin pelajar di kalangan siapa sahaja yang mempunyai jawatan di mana-mana persatuan, kelas dan sebagainya. Walau bagaimanapun perbezaan definisi ini diterima kerana ianya menepati definisi keseluruhan pemimpin pelajar.

### **1.7.3 Masa**

Peruntukan sebenar untuk menjawab soal selidik ini oleh responden di semua sekolah hanya 30 minit dan dalam tempoh sehari. Namun pengendaliannya yang di urus oleh kaunselor di tiga-tiga buah sekolah nampaknya memaksa

peruntukan masa yang lebih banyak. Manakala itu pengedaran soal selidik akan di buat dua kali dalam tempoh seminggu berturut-turut. Kali pertama responden akan menjawab soal selidik berkenaan konsep kendiri manakala yang seterusnya menjawab soal selidik kepimpinan.

Masalah yang disebabkan oleh masa tidak setakat itu sahaja. Dua Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C dalam 2 sesi edaran soal selidik yang dicadangkan mulanya hanya di jarakkan satu minggu. Namun jarak masa menjadi lebih dari seminggu iaitu sebulan, disebabkan ketika itu sekolah sibuk menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah, peperiksaan dalaman seperti peperiksaan semester akhir dan sebagainya. Ini menyebabkan pihak pentadbir tidak mampu memberi laluan kepada soal selidik tersebut diedarkan.

#### **1.7.4 Kaedah memberi kod kepada responden**

Oleh kerana terdapat pengedaran soal selidik sebanyak dua kali untuk responden yang sama, kaedah memberi kod kepada responden perlu perhatian yang teliti. Meskipun telah diberi penerangan kepada guru-guru yang membantu di tiga buah sekolah tersebut serta pelajar atau responden, masalah mengekod agak sukar, kerana responden mungkin ada rasa keraguan identiti mereka akan didedahkan. Selain itu oleh kerana soal selidik diedarkan sebanyak dua kali, kod diberikan pada pengedaran soal selidik yang pertama, tidak semua responden yang telah dikodkan mengambil atau menjawab soal selidik yang kedua. Soal selidik yang dikira hanyalah yang berjaya mengisi atau menjawab kedua-dua edaran soalan selidik

## **1.8 Definisi Istilah**

Dua pembolehubah digunakan ialah pembolehubah bersandar dan iaitu pembolehubah tidak bersandar, pembolehubah bersandar ialah konsep kendiri dan kepimpinan, manakala itu pembolehubah tidak bersandar ialah maklumat demografi seperti jantina, umur dan pengalaman. Selain itu beberapa definisi yang kerap digunakan di sepanjang penulisan ini adalah seperti berikut:

### **1.8.1 Personaliti**

Dalam bidang pendidikan psikologi, istilah ini amat signifikan sekali. Oleh yang demikian tidak hairanlah pelbagai definisi daripada ahli-ahli psikologi memberikan pengertian berbeza mengikut fahaman masing-masing. Menurut Imam Al Ghazali personaliti menerangkan tentang keadaan jiwa. Menerusi jiwa, terbit semua perbuatan yang senang dan mudah, tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian. Menurut Imam Al Ghazali, jika dari jiwa itu muncul perbuatan yang baik dan terpuji menurut akal dan syariat agama, maka ia dinamakan personaliti yang baik. Sebaliknya jika perbuatan buruk muncul dari jiwa seseorang maka dinamakan personaliti yang buruk (Yunus Bin Majid, 1985)

Feldman 1994 (Asmawati Desa, 1997) pula mendefinisikan personaliti sebagai jumlah keseluruhan ciri-ciri yang membezakan manusia, atau kestabilan tingkah laku seseorang dalam berbagai situasi yang berbeza. Menurut Mischel 1976 ( Salleh Lebar, 1991), personaliti adalah susunan pola-pola hidupnya, sama seperti Prince (Salleh Lebar, 1991) yang turut mendefinisikan personaliti

sebagai sahsiah, yang meliputi kesemua keadaan semulajadi seperti kaji hayat, gerak hati, kecenderungan, naluri dan nafsu seseorang.

### **1.8.2 Kepimpinan**

Semua makna kepimpinan yang telah dituliskan oleh pakar ilmu kepimpinan, merujuk kepada kepimpinan di peringkat atas seperti ahli politik, usahawan atau tokoh-tokoh sejarahwan dunia, dan bukan di peringkat pelajar mahupun pengawas sekolah. Namun seandainya diakui dan bukan di peringkat pelajar mahupun pengawas. Namun seandainya diakui bahawa pengawas merupakan pemimpin kecil di sekolah, definisi selanjutnya adalah signifikan kepada golongan pelajar yang menerajui kepimpinan di kalangan pelajar di sekolah.

Robiah K Hamzah, (2001) menghimpunkan empat definisi kepimpinan oleh tokoh dalam negara dan luar negara. Iaitu pertama oleh Siagon (1981), menurutnya kepimpinan merupakan jentera atau daya penggerak daripada sumber dan alat yang terdapat pada sesuatu persatuan atau organisasi'. Menurut Mohd Khalid Yusof, (1983) pula, kepimpinan adalah sebagai daya penggerak yang membuat orang lain menikut atau membuat sesuatu dengan sukarela. Dengan perkataan lain kepimpinan adalah corak hubungan yang melalui pemikiran, perlakuan dan tindakan. Seterusnya Koontz, O'Donnell (1982) mendefinisikan kepimpinan sebagai pengaruh, cara atau tanggapan proses mempengaruhi orang ramai supaya mereka boleh berusaha secara sukarela ke arah pencapaian matlamat. Definisi terakhir seperti yang diberikan oleh Lippit (1980) sebagai daya penggerak sumber dan alat yang terdapat dalam sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat. Seperkara yang jelas dan perlu diambil

## Rujukan

### Majalah

Kamarrudin Jusoh. 1997. *Keluhan Bekas Guru Disiplin*. Majalah MASSA. April : 15-16.

Handford, G.C & Hattie, J.A (1982) *The Relationship Between Self-Concept And Achievement And Performance Measures*. Review Of Educational Research, 123 -142

### Buku

Anastasi A (1998). *Psychological Testing*. New York. Macmillan Publishing Company

Brown F.G (1983). *Principal Of Education And Psychology*, Eagle wood Cliff, New Jersey. Prentice Hall, Inc.

Bryn, D & Kelly (1981). *An Introduction To Personality*. New Jersey : Prentice-Hall Inc.

Fernald, L.D & Fernald, P.S (1978). *Introduction To Psychology*. Boston.: Houghton Mifflin Company.

Good T.L & Brophy, J.E (1978). *Looking In Classroom*. (2<sup>nd</sup> ed.) New York : Harper Row Publishers

Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub (1997). *Psikologi Personaliti*. Selangor Darul Ihsan. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Horrock, J.E & Jackson, D.W (1972). *Self And Role : A Theory Of Self Process And Role Behavior*. Boston : Houghton Mifflin Co.

Hurlock, E.B(1964). *Child Development*. New York : Mc Graw Hill Book Co.

Klausmeir, H J & Goodwin W. (1975). *Learning And Human : Educational Psychology*. New York : Harper & Row Publications

Mahmood Nazer Mohamad (1990) *Pengantar Psikologi : Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkahlaku Manusia*. Kuala Lumpur.  
Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd Salleh Lebar (1992). *Perubahan Dan Kemajuan Pendidikan Di Malaysia*.  
Kuala Lumpur. Muin Entreprise

Mohd Salleh Lebar (1999) *Memahami Psikologi*. Kuala Lumpur. Percetakan Putrajaya.

Siti Hawa Munji & Ma'ruf Redzuan (1989). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur.  
Penerbit Fajar Bakti

Spencer A Rathus (1996). *Psychology In The New Millennium*. United States Of America Holt, Rinehart and Winston Inc.

Stephen F Davis & Joseph J Pallindo (1996). *Psychology 2*. United States Of America. Prentice-Hall Inc.

Tang Chee Yee (1989). *Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Warren Blank (2001), *The Log Skills Of Natural Born Learding*. (AMACOM, Amerriican Management Association. New York.

Weinhold, B.K & Hiltrey, J. (1963). *The Self-esteem Matrix : A Tool For Elementary Counselors' Elementary School Guidance And Counseling.*

Zulkifli Md Salleh (1990). *Ujian Personaliti*. Kuala Lumpur. Siri Maju Sdn Bhd.

## **Ensiklopedia**

Teuku Iskandar (1989), Kamus Dewan Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Webster, N. (1990). *Webster's New Twentieth Century Dictionary*. New York : Collins And World Publishing Co., Inc.

## **Jurnal**

*Pengurusan Disiplin Dan Personaliti Pelajar Di Sekolah Menengah : Pembentukan Dasar Tingkahlaku Pelajar.* Loh Koh Cheang. Jemaah Nazir Sabah 1995

*Pengaruh Saiz Sekolah Terhadap Perkembangan Personaliti Murid :* Musa Daia UKM 1996

*Kajian Perbezaan Jenis Personaliti Dan Polanya Mengikut Tahap Ketrampilan Dan Mutu Kerja Dalam menjalankan Tugas Di Kalangan Pengawas Pusat*  
*Sumber : Rosmini Sulaiman 1997 UKM*

*Waja Diri Pemimpin Pelajar Sekolah Menengah :* Mohd Daud Hamzah dan Mustapha, Divers Pendidik 2001.

*Pengurusan Disiplin Dan Tingkahlaku Pelajar Di Sekolah Menengah : Pembentukan Dasar Tingkahlaku Pelajar.* Loh Koh Cheang. Jemaah Nazir Sekolah Sabah.